



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	3/10/2019	MUKA SURAT	: 15
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



BEBERAPA pekerja kontraktor mengeluarkan paip saluran air yang pecah di Jalan Universiti, semalam.

Jalan sesak 3km akibat paip pecah

Petaling Jaya: Aliran trafik di Jalan Universiti dan Jalan 17/41 di sini, sesak susulan kejadian paip pecah, pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisyoner Mohd Zani Che Din berkata, kejadian pada jam 6 pagi itu turut mengakibatkan kereta Proton Saga terperangkap dalam takungan air.

"Kenderaan terperangkap ditarik keluar Majlis Banda-

raya Petaling Jaya dan dibawa keluar dari lokasi.

"Anggota polis juga ditempatkan di lokasi bagi mengawal lalu lintas dan kerja pembaikan dijalankan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas)," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kejadian menyebabkan kesesakan sejauh tiga kilometer berikutan laluan itu dinaiki air hampir setengah meter.